

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
GAWANGAN RANGAR

Oleh

NUR WAHIDA BT. JOHARI
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

100045034

100045034 Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Perpustakaan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 73 FPE 4 2005



1100045034

Laporan akhir latihan industri di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) / Nur Wahida Johari.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045031

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (FAMA)
CAWANGAN KANGAR**

OLEH

**NUR WAHIDA BT. JOHARI
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan
Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100045034

PENGESAHAN PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Nur Wahida bt. Johari** mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nur Wahida Bt. Johari

Tarikh:/...../.....

Disahkan Oleh:



Tuan Hj. Abdul Manan B. Ali
Penyelia Industri
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Dengan lafaz Assalamulaikum pelatih ingin menyatakan rasa bersyukur ke hadrat llahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Laporan Industri (PGN 4799) ini dapat disiapkan seperti yang dirancang dalam masa yang ditetapkan. Latihan Industri dijalankan selama 12 minggu di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) cawangan Kangar, Perlis bermula pada 21 Mac 2005 dan berakhir pada 11 Jun 2005. Latihan Industri ini merupakan subjek wajib untuk memenuhi jumlah jam kredit bagi pelajar tahun akhir sebagai syarat untuk bergraduat.

Pelatih berada selama 12 minggu di FAMA dan ditempatkan di dua unit iaitu Unit Kewangan dan Unit Segar Kompleks Bilik Sejuk. Pelbagai pengalaman dan ilmu telah diperolehi serta banyak cabaran telah pelatih tempuh untuk dijadikan satu pengajaran bagi menghadapi alam pekerjaan setelah bergraduat nanti.

Untuk itu, sekalung penghargaan dengan ucapan jutaan berterima kasih ditujukan kepada pihak-pihak atau individu yang telah banyak membantu serta menyumbangkan ilmu dan maklumat dalam menyempurnakan Laporan Akhir Latihan Industri ini. Hanya ucapan terima kasih yang mampu diucapkan dan yang selebihnya hanya Allah yang akan membalas budi dan jasa baik kalian semua. Kepada ibu bapa yang tersayang, tanpa sumbangan, doa dan

dorongan yang tidak berbelah bagi mungkin laporan ini tidak akan sempurna pada masa yang ditetapkan.

Setinggi ucapan terima kasih kepada Tuan Hj. Abdul Manan B. Ali selaku Penyelia KUSTEM kerana telah banyak membantu dari segi memberi panduan dan penerangan tentang proses penyediaan laporan dan begitu banyak bersabar sepanjang menjadi penyelia saya.

Tidak lupa juga kepada Penyelia-penyelia Industri di FAMA iaitu Puan. Baziah Bt. Hamid dan Tuan. Hj. Rohani B. Bujang yang banyak membantu pelatih sepanjang menjalani latihan. Jasa anda berdua amat dikenang dan hanya Allah yang dapat membalasnya. Malah kepada kakitangan FAMA yang banyak memberi kerjasama, Pn. Darwiswanti, Pn. Che Munah, Pn. Kasmayati, En. Abd. Rahim Yatim, Cik Suriati dan juga kakitangan lain yang turut terlibat. Tanpa kerjasama anda semua yang banyak membimbing tentunya latihan yang dijalankan tidak akan memberi makna yang sepenuhnya.

MATLAMAT MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri (LI) merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM. Kerana melalui LI, pelajar-pelajar akan ditempatkan di agensi awam atau swasta di mana pelajar-pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung di dalam suatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar-pelajar juga berpeluang mempelajari aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi itu. Berikut adalah matlamat menjalani latihan industri :

- Mendapat pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing.
- Mengaplikasikan segala teori yang telah dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan.
- Menjalin dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional dalam bidang masing-masing.
- Lebih memahami nilai etika bidang profesional masing-masing.
- Menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
Senarai Lampiran	xii
Ringkasan Eksekutif	xiii-xiv

BAB 1 (LATAR BELAKANG ORGANISASI)

1.1 PENGENALAN	1-2
1.2 SEJARAH RINGKAS	3-4
1.3 FUNGSI-FUNGSI UTAMA FAMA	5
1.4 VISI, MISI DAN OBJEKTIF FAMA	6-7
1.5 MAKLUMAT ORGANISASI	8-9
1.6 TUMPUAN PASARAN	11-16
1.7 PENDEKATAN UNTUK MEMAJUKAN ORGANISASI	17
1.8 STRATEGI-STRATEGI FAMA	18-23
1.8.1 Menggalakkan Penyertaan Petani Ke Dalam Bidang Pemasaran	18-19
1.8.2 Meluaskan Saiz Pasaran Di Dalam Dan Luar Negeri	19-20
1.8.3 Memperbaiki Amalan Pemasaran Di Peringkat Ladang Dan Pasaran	21
1.8.4 Mempertingkatkan Maklumat Pasaran	22
1.8.5 Menambah Saluran Pasaran	23

1.9 PROJEK-PROJEK FAMA	24-29
1.9.1 Kontrak Pemasaran	24
1.9.2 Malaysia's Best	24-25
1.9.3 Promosi Dalam Dan Luar Negara	25-26
1.9.4 TEMAN, Pusat Pengumpulan (CC) dan Pusat Pengedaran (DC)	26
1.9.5 Pasar Tani Mega	26-27
1.9.6 FAMA Xchange (Supply Demand Virtual Information)	27 28
1.9.7 Olemas	28
1.9.8 Kopie Satu	29
1.9.9 Pembangunan Keupayaan	29
1.10 KEMAHIRAN YANG PELATIH INGIN DIPELAJARI	30-31
1.10.1 Pengurusan Secara Am	30
1.10.2 Pemasaran Dan Perkhidmatan	30-31
1.10.3 Operasi	31
1.10.4 Perakaunan Dan Kewangan	31

BAB 2 (SISTEM SEDIA ADA & PENGENALPASTIAN MASALAH)

2.1	PENGENALAN SISTEM SEDIA ADA	32
2.2	SISTEM PEMBELIAN BUAH	33-43
2.2.1	Sistem Sedia Ada	33-37
2.2.2	Pengenalpastian Masalah	38-39
2.2.3	Analisis Masalah Serta Penentuan Punca Sebenar Masalah	39-40
2.2.4	Alternatif Penyelesaian	40-42
2.2.5	Implikasi Selepas Penyelesaian	42-43
2.3	SISTEM PEMPROSESAN BUAH	44-56
2.3.1	Sistem Sedia Ada	45-47
2.3.2	Pengenalpastian Masalah	49
2.3.3	Analisis Masalah Serta Penentuan Punca Sebenar Masalah	50-51
2.3.4	Alternatif Penyelesaian	52-55
2.3.5	Implikasi Selepas Penyelesaian	55-56

2.4 SISTEM PEMASARAN PERTANIAN	57-69
2.4.1 Sistem Sedia Ada	58-61
2.4.2 Pengenalpastian Masalah	62-63
2.4.3 Analisis Masalah Serta Penentuan Punca Sebenar Masalah	63-64
2.4.4 Alternatif Penyelesaian	65-66
2.4.5 Implikasi Selepas Penyelesaian	66-67
2.5 RUMUSAN KESELURUHAN	68-69
 BAB 3 (PENUTUP)	
3.1 LAKARAN PENGHARAPAN	70-71
 RUJUKAN	 72
 LAMPIRAN	 73-77

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1: Produk Keluaran FAMA	12
Jadual 2 : Produk Keluaran Bukan FAMA	13
Jadual 3 : Jualan “Top Ten” 2004	16
Jadual 4 : Matlamat Belian bagi Tahun 2005	37

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1 : Logo FAMA	1
Rajah 2 : Struktur Organisasi FAMA Negeri Perlis	10
Rajah 3 : Kiosk FAMA FR GREEN	14
Rajah 4 : Mohor Malaysia's Best	25
Rajah 5 : Pasar Tani Mega	27
Rajah 6 : Kiosk Kopie Satu	29
Rajah 7 : Sistem Pembelian Buah	33
Rajah 8 : Ladang Peserta Projek Perintis dan Berkelompok	37
Rajah 9 : Sistem Pemprosesan Buah	45
Rajah 10 : Proses Pembersihan dan Pematahan Tangkai	48
Rajah 11 : Proses Mengupas Buah untuk dijadikan Puri dan Jus	48
Rajah 12 : Pembungkusan Buah	54
Rajah 13 : Saluran Pemasaran Pertanian (SPP)	58
Rajah 14 : Menyusun Kotak-Kotak Produk Untuk Di Edarkan	61

SENARAI LAMPIRAN	MUKA SURAT
LAMPIRAN A : Struktur Organisasi FAMA Perlis	73
LAMPIRAN B : Outlet FAMA FR GREEN Cawangan Kangar	74
Outlet FAMA di Pasaraya	
Produk Pertanian Keluaran FAMA	
Rak Pameran Produk Agromas	
LAMPIRAN C : Sekitar Promosi Produk Agromas Dan Olemas	75
Produk Olemas	
Produk Kopie Satu	
Produk Telur Masin	
LAMPIRAN D : Pasar Tani Tmn. Sena Indah Kangar	76
Contoh Ladang Yang Baik Dan Sistematik	
Mempelam Sala Masak	
Mempelam Sala Matang Untuk Dipetik	
LAMPIRAN E : Sistem Pemprosesan Buah	77

RINGKASAN EKSEKUTIF

Setelah menjalani Latihan Industri selama 12 minggu di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Cawangan Kangar, Perlis bermula pada 21 Mac 2005 dan berakhir pada 11 Jun 2005. Projek Latihan Industri (PGN 4799) ini adalah satu subjek wajib untuk memenuhi jumlah jam kredit bagi pelajar tahun akhir di KUSTEM sebagai syarat untuk bergraduat. Selama itu juga Latihan Industri ini dijadikan satu peluang untuk menimba ilmu pengetahuan dan mengaplikasikan segala teori yang telah dipelajari ke alam pekerjaan yang sebenar.

Tujuan menjalani LI di agensi adalah untuk mengetahui tentang fungsi-fungsi dan latar belakang syarikat seperti yang dinyatakan dalam Bab 1. Selain itu, LI ini adalah untuk mengenalpasti sistem-sistem operasi yang sedia ada dan masalah-masalah yang wujud dan terdapat dalam sebuah organisasi itu. Melalui maklumat-maklumat yang diperolehi itu akan membantu dalam penyediaan Laporan Akhir Latihan Industri.

Sewaktu ditempatkan di Unit Segar Kompleks Bilik Sejuk FAMA, terdapat tiga jenis sistem yang telah dikenalpasti iaitu Sistem Pembelian Buah, Sistem Pemprosesan Buah dan Sistem Pemasaran Pertanian. Sistem-sistem ini akan dikenalpasti masalah yang wujud, kemudian dianalisa masalah yang wujud itu serta menentukan punca sebenar kepada permasalahan yang wujud itu. Alternatif penyelesaian akan dicari serta diaplikasikan untuk mengurang atau mengatasi masalah yang wujud itu. Setelah itu, implikasi selepas cadangan akan diperoleh yang mana memberi kesan yang lebih positif kepada fungsi-fungsi dan operasi sistem yang sedia itu.

Dalam Sistem Pembelian Buah, beberapa masalah telah dikenalpasti seperti masalah penentuan harga, masalah buah dan pokok yang rosak dan lain-lain lagi. Untuk lebih memahami tentang permasalahan yang wujud itu, punca sebenar masalah dianalisa serta diberikan alternatif penyelesaian yang boleh digunakan bagi mengatasi kewujudan permasalahan tersebut.

Di dalam Sistem Pemprosesan Buah pula dapat dilihat wujudnya masalah-masalah seperti buah yang rosak sama ada sebelum digred atau selepas digred. Masalah buah rosak ini meliputi rosak pada fizikal luar, fizikal dalam, rosak selepas rawatan dan juga semasa proses pengedaran buah. Setiap permasalahan yang wujud ini, akan dianalisa bagi mencari punca kewujudan masalahnya dan juga dirangka alternatif-alternatif yang berkemungkinan dapat menyelesaiannya. Ini adalah untuk mengurangkan risiko kerugian kerana peningkatan kadar buah rosak dan juga komen-komen negatif dari pengguna.

Sistem ketiga iaitu Sistem Pemasaran Pertanian (SPP) pula banyak melibatkan isu-isu yang berkaitan dengan perantara-perantara yang ada di dalam setiap satu saluran pemasaran yang ada di FAMA. Masalah boleh dilihat di dalam SPP Tradisi dan juga SPP Semasa yang mana terlalu banyak lapisan dan lebih panjang dari SPP e-Dagang yang mana lebih mudah dan terus kepada pengguna. Sistem ini juga adalah satu sistem yang penting dalam menjalankan operasi pemasaran di FAMA dan untuk itu segala masalah yang wujud mestilah ditangani dengan segera agar menjadikan sistem ini lebih aktif, efektif dan produktif serta memberi sumbangan kepada pihak FAMA dan juga dalam bidang industri pertanian negara.

Melalui pendekatan-pendekatan yang dicadangkan ini, berteraskan kepada visi dan misi FAMA iaitu 'Transformasi pertanian ke sektor moden, dinamik dan berdaya saing melalui pemasaran yang cekap dan berkesan' dan 'Membangunkan sistem pemasaran yang cekap dan berkesan melalui pengawasan, penyelarasan dan pemajuan pemasaran supaya Malaysia menjadi pengeksport bersih hasil pertanian dan makanan', maka adalah diharap agar dengan itu FAMA akan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem dan operasinya serta menggunakan teknologi baru seperti e-Dagang supaya FAMA menjadi peneraju yang terulung dalam industri yang berkaitan dengan pertanian di Malaysia dan berjaya melebarkan sayapnya ke peringkat antarabangsa serta dengan itu dapat mempopularkan buah-buahan esotika (tempatan) Malaysia.